



جامعة عبد العزیز
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak
Cawangan Melaka



PAMERAN MAYA **BENDERA MALAYSIA**

Dari Union Jack ke Jalur Gemilang

DENGAN KERJASAMA : PERBADANAN MUZIUM MELAKA



APA ITU BENDERA?

Menurut Ensiklopedia Sejarah dan kebudayaan Melayu, bendera merupakan sebidang kain yang diperagakan sebagai tanda atau lambang kewujudan yang dikenali juga sebagai panji-panji dan obor-obor. Biasanya bendera berbentuk empat segi bujur, mempunyai satu bahagian dinamakan tepi bendera yang digunakan untuk diikat pada tiang.



Bendera juga merupakan satu simbol atau lambang kekuasaan dan kedaulatan sesebuah negara. Ia mula digunakan sejak berkurun lama tetapi dalam pelbagai bentuk, saiz, warna dan reka bentuk yang berbeza-beza. Perkataan flag (bendera) berasal dari perkataan Old Saxon atau dalam bahasa Jerman, Flaken atau Fleogan yang membawa maksud mengibarkan atau mengapungkan di atas angin.



BENDERA UNION JACK






Sebelum Persekutuan Tanah Melayu dibentuk dan bendera Persekutuan Tanah Melayu digunakan, terdapat beberapa bendera yang telah digunakan mengikut kesesuaian pentadbiran pada masa itu. Bendera Union Jack iaitu bendera kerajaan United Kingdom pernah dikibarkan di Tanah Melayu sebelum negara mendapat kemerdekaan. Bendera Union Jack mula dikibarkan di Tanah Melayu setelah termeterainya perjanjian antara Sultan Kedah dengan Kapten Francis Light pada tahun 1786 yang membawa kepada penyerahan Pulau Pinang kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris.



BENDERA NEGERI-NEGERI SELAT





Penubuhan Negeri-Negeri Selat bermula melalui Perjanjian Inggeris-Belanda pada tahun 1924. Pulau Pinang, Melaka dan Singapura digabungkan bagi membentuk Negeri-Negeri Selat dan sebuah bendera bagi melambangkan kewujudan pentadbiran tersebut telah digunakan di Tanah Melayu. Bendera Union Jack digunakan atas sebahagian bendera Negeri-Negeri Selat di samping jata ketiga-tiga negeri yang terlibat.



BENDERA NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU





Pada tahun 1895, pihak British telah memperkenalkan sistem pentadbiran di bawah Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Negeri-negeri Melayu Bersekutu terdiri daripada Selangor, Perak, Pahang dan Negeri Sembilan. Manakala Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu terdiri daripada negeri Johor, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis. Dengan itu sebuah bendera bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah digunakan bagi melambangkan identitinya, tetapi bagi Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, tetap menggunakan bendera negeri masing-masing.



Bendera Negeri-negeri Melayu Bersekutu ini mempunyai empat jalur yang terdiri daripada empat warna iaitu putih, merah, kuning dan hitam yang mewakili negeri-negeri terbabit. Merah, hitam dan kuning untuk Negeri Sembilan, putih dan hitam untuk Pahang, hitam, putih dan kuning untuk Perak, manakala merah dan kuning untuk Selangor. Sistem pentadbiran ini dilaksanakan oleh pihak British sehingga tahun 1946 iaitu apabila Malayan Union diperkenalkan di negara ini yang kemudiannya digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948.



BENDERA PERSEKUTUAN TANAH MELAKU





Apabila Persekutuan Tanah Melayu dibentuk pada tahun 1948, dirasakan perlu diadakan sebuah bendera sebagai lambang kepada kewujudan persekutuan tersebut. Penciptaan bendera Persekutuan Tanah Melayu telah diilhamkan melalui satu pertandingan mereka cipta bendera yang dianjurkan di peringkat kebangsaan. Pertandingan ini telah dikelolakan oleh satu Jawatankuasa Khas yang telah ditubuhkan pada bulan Mei 1948.



Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan terdiri daripada :

Pengerusi

Sir Alec Newboult (Ketua Setiausaha Negara)

Wakil Sultan

Dato' Abdul Malek bin Yusuf (Menteri Besar Negeri Sembilan)

Dato' Mahmud bin Mat (Menteri Besar Pahang)

Wakil Menteri-menteri Besar

Dato' Onn bin Jaafar (Menteri Besar Johor)

Wakil Majlis Perundangan Persekutuan

Tunku Yacob Ibni Sultan Abdul Hamid

Zainal Abidin bin Abbas

Wakil Negeri-negeri Selat

A.V. Aston (Pesuruhjaya Residen Pulau Pinang)

H. H. Facer

Wakil Ahli Tidak Rasmi Perundangan Persekutuan

Yong Shook Lin



Pada 15 November 1949, Jawatankuasa ini telah menerima sebanyak 373 reka bentuk bendera untuk dikemukakan kepada Majlis Perundangan Persekutuan untuk dibuat pertimbangan dan pemilihan. Dari jumlah tersebut, hanya 3 rekaan sahaja yang dipilih untuk disenaraikan pendekkan.

Reka bentuk pertama :

Mempunyai lambang keris bersilang di tengah-tengah dengan dikelilingi oleh 11 bintang pecah 5.

Reka bentuk kedua :

Mempunyai reka bentuk hampir serupa dengan reka bentuk pertama kecuali 11 bintang pecah 5 disusun dalam 2 bulatan mengelilingi keris bersilang.

Reka bentuk ketiga :

Mempunyai 11 jalur berwarna biru dan putih dengan bulan berwarna putih di bahagian tepi kiri.



Daripada rekaan-rekaan tersebut, rekaan ketiga oleh Mohamed bin Hamzah, arkitek dari Jabatan Kerja Raya Johor telah mendapat pilihan majoriti. Pemilihan bendera ini telah mendapat perkenan Mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu yang berlangsung pada 22 dan 23 Februari 1950 setelah dibuat beberapa pindaan. Pada asalnya bulan dan bintang adalah berwarna putih tetapi atas cadangan Sultan Kedah dan persetujuan Raja-Raja Melayu, warna putih telah digantikan dengan warna kuning bagi melambangkan warna Diraja. Akhirnya pada 19 April 1950 Majlis Perundangan Persekutuan telah meluluskan usul yang dibentangkan oleh Pemangku Ketua Setiausaha Negara mengenai Bendera Persekutuan Tanah Melayu seperti yang diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja Melayu.



Mohamed Bin Hamzah,
Architectural Branch,
P.W.D., Johore. 13/8/49.

The Clerk of Councils
The Council Chamb
Kuala Lumpur.

Sir,

I have the honour to submit herewith under Registered cover, four (4) designs for the proposed Federation "FLAG", as per article in the Strait Times dated 10th: inst.


Hope it will meet yo u undamaged.

Please acknowledge receipt.

Thanks.


I have the honour to be,
Sir,
Your obedient servant,

M.B.Hamzah





BENDERA MALAYSIA





JALUR GEMILANG

Jalur Gemilang merupakan nama rasmi yang diberikan kepada bendera Malaysia. Idea memberikan nama pada bendera diusulkan oleh Dato' Hashim bin Mat Idris memandangkan bendera Malaysia pada waktu itu masih belum mempunyai nama. Cadangan tersebut telah dikemukakan kepada Perdana Menteri pada waktu itu Tun Dr. Mahathir Mohamad dan pada 11 Julai 1995 beliau bersetuju agar diadakan satu peraduan bagi mencari nama-nama yang sesuai untuk bendera Malaysia. Ekoran itu, satu mesyuarat untuk menubuhkan jawatankuasa induk telah diadakan pada 24 Ogos 1995 dengan dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Kabinet) Jabatan Perdana Menteri. Dalam mesyuarat pada 1 April 1996, jawatankuasa telah memutuskan bahawa pemilihan mana tidak perlu dipertandingkan sebaliknya dipilih dari senarai yang dikemukakan oleh ahli-ahli jawatankuasa.



Bendera Malaysia berasal dari bendera Persekutuan Tanah Melayu tetapi telah diubahsuai dengan menambah bilangan jalur dan pecahan bintang dari 11 kepada 14 menunjukkan jumlah negeri-negeri di dalam Persekutuan Malaysia. Percantuman Sabah, Sarawak dan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu telah melahirkan sebuah gagasan baharu iaitu Malaysia pada 16 September 1963. Bendera Malaysia telah dikibarkan secara rasminya di seluruh negara untuk melambangkan lahirnya Malaysia pada tarikh tersebut.

Apabila Singapura berpisah dengan Malaysia pada 9 Ogos 1965, jalur-jalur dan bintang pecah 14 masih dikekalkan tanpa ada sebarang pindaan. Jalur yang ke 14 adalah mewakili Persekutuan bagi mengantikan Singapura. Bilangan 14 jalur dan pecahan bintang adalah kekal sehingga kini.



Pada 1 Julai 1996, urus setia telah mengemukakan sebanyak 75 cadangan nama beserta ulasan-ulasan dengan hurain mengenai nama-nama bendera yang dicadangkan oleh ahli-ahli jawatankuasa untuk pemilihan. Dari jumlah tersebut, 3 nama telah disenarai pendekkan iaitu Setia Perkasa, Seri Setia Perkasa dan Seri Setia Negara. Walaubagaimanapun Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 11 September 1996 telah menolak ketiga-tiga nama tersebut kerana nama-nama yang dicadangkan tidak mempunyai kaitan atau huraihan perihal bendera itu sendiri dan bersetuju agar cadangan nama baharu dikemukakan.



Susulan dari itu pihak urus setia telah menerima 28 cadangan nama baharu daripada ahli jawatankuasa untuk dipertimbangkan. Dalam mesyuarat yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara pada 2 Jun 1997, ahli jawatankuasa telah memilih tiga nama mengikut keutamaan iaitu Jalur Gemilang, Jalur Nusa Gemilang dan Jalur Sinar Gemilang untuk dikemukakan oleh Jemaah Menteri.

Akhirnya, Jemaah menteri telah memutuskan untuk memilih Jalur Gemilang sebagai nama baharu bagi bendera Malaysia. Nama Jalur Gemilang telah dicadangkan oleh Redzuan Tumin, Pegawai dari Jabatan Muzium dan Antikuiti. Pengisytiharan nama Jalur Gemilang telah diadakan pada 31 Ogos 1997 jam 11.58 malam oleh mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.



*Terima Kasih
atas kunjungan anda*



جامعة
الهندسة
والتكنولوجيا
برادنبرغ
 UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak
Cawangan Melaka



<https://melaka.library.uitm.edu.my/>

<http://www.perzim.gov.my/>